

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8233**

**SOALAN:**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan menjelaskan sama ada syarikat Real Time Networking Sdn. Bhd. telah diberi kontrak untuk membawa masuk 1,500,000 pekerja asing dari Bangladesh. Sudahkah analisa kos faedah dan analisa impak dijalankan ke atas pekerja-pekerja Malaysia sekiranya pekerja-pekerja ini dibawa masuk.**

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Ketika ini kemasukan pekerja Bangladesh dilaksanakan melalui mekanisme "Kerajaan dengan Kerajaan" atau G2G dan hanya terhad kepada sektor perladangan kelapa sawit sahaja. Sehubungan ini, Kerajaan masih dalam peringkat perbincangan dengan pihak Bangladesh bagi memperincikan mekanisme baru untuk memperkasakan mekanisme sedia ada. Sehubungan ini, Kerajaan tidak melantik syarikat Real Time Networking Sdn. Bhd untuk membawa masuk 1.5 juta pekerja Bangladesh seperti yang dinyatakan.**

**Mekanisme baru kelak akan turut mengelakkan penglibatan orang tengah dalam urusan kemasukan pekerja Bangladesh ke negara ini kerana ianya dicadangkan untuk dilaksanakan secara atas talian (*online*). Sehubungan itu, cadangan berhubung kemasukan 1.5 juta pekerja dari Bangladesh hanya akan mengisi jawatan-jawatan yang tidak digemari oleh rakyat tempatan. Bagaimanapun, Kerajaan juga sangat berhati-hati dalam perkara ini agar peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan tidak terjejas dan sentiasa dilindungi. Penetapan ini bukan sahaja dikenakan kepada negara Bangladesh tetapi juga kepada semua negara sumber yang dibenarkan.**

**Justeru itu, perluasan mekanisme ini kepada sektor lain kelak hanya sebagai tambahan pilihan negara sumber kepada majikan yang memerlukan pekerja asing. Sebagaimana negara sumber yang lain, mekanisme tersebut juga akan dipantau dan dikawalselia oleh**

**Kerajaan melalui Agensi Kawal Selia di setiap sektor bagi mengelakkan berlakunya kebanjiran pekerja asing dalam negara.**

**Oleh itu, jumlah sebenar kemasukan pekerja Bangladesh akan bergantung kepada keperluan sebenar majikan semasa permohonan dibuat dan akan dinilai berdasarkan kelayakan serta kemampuan setiap majikan termasuk mematuhi peraturan yang Kerajaan tetapkan seperti memberi keutamaan pekerjaan kepada rakyat tempatan terlebih dahulu.**

**Sehubungan itu, secara prinsipnya kemasukan buruh asing ke negara ini tidak akan menjejaskan dan menggugat peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan serta keseimbangan pasaran buruh dalam negara kerana pekerja asing ini hanya dibenarkan bekerja di lima (5) sektor formal yang dibenarkan untuk menggaji pekerja asing sahaja iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan.**